

Lee Hishammuddin Allen & Gledhill

advocates and solicitors

Level 16, Menara Tokio Marine Life,
No. 189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia.

P.O. Box 11215, 50738 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +603 2161 2330
Fax: +603 2161 3933 / 1661
www.lh-ag.com

Please quote our reference when replying

Our reference: AKA/RD/47112

Your reference:

13 June 2014

Consultant

Dato' KC Vohrah

Senior Partners

Dato' Thomas M. L. Lee
Datuk D. P. Naban

Partners

Aaron Gerard Sankar
Adlin Abdul Majid
Andrew Chiew Ean Vooi
Angeline Cheong May May
Ang Hean Leng
Aniza Osman
Aznam Dato' Mansor
Bahari Yeow Tien Hong
Chia Loong Thye
Dato' T. Thavalingam
G. Vijay Kumar
Himahlini Ramalingam
Koh Kek Hoe
Kumar Kanagasingam
Lambert Rasa-Ratnam
Lim Heng Seng
Loh Chu Bian
Megat Hizaini Hassan
Mong Chung Seng

Ng Leong Huat
Nitin V. Nadkarni
Ong Eu Jin
Ooi Bee Hong
Rosli Dahlan
S. Saravana Kumar
Sean Yeow Huang-Meng
SM Shanmugam
Tan Gek Im
Tay Weng Hwee

Senior Associates

Abdullah Khubayb Bin Awaluddin
Chai Meng Ling
Conrad Francis Lopez
Darshendev Singh Jajeet Singh
Eunice Chan Wei Lynn
Genelle Chung Sim Yee
Hoi Jack S'ng
Katherine Tan Huei Ying
Mohd Khairil Ezane Azman
Siti Fatimah Mohd Shahrom

Associates

Aaina Liyana Binti Abd Manaf
Ainaa Shahirah Mohd Nori
Aric Wong Fong Chin
Ashley Lee Si Han
Bella Chu Chai Yee
Carmen Tan Chia Wen
Chai Shwu Yi
Chan Tay Lai
Chia Oh Sheng
Christine Chan Ee Yin
Cindy Sim Xin Yee
Crystal Wong Wai Chin
Eileen Tan Yuh Wen
Elise Ng Yee Suang

Fara Nadia Hashim
Ho Ai Ting
Janet Olivia Tang Muo Lung
Jasmine Yap Chin Wen
Jeremy Lim Wei Chang
Joanna D' Silva
Josephine Chin Fong Leng
Josiah Lim Yun - Xi
Kellie Allison Yap Siu Yin
Kho Chin Chau
Lee Kah Ching
Lee Wei Ting
Lim Tsu Ming
Lim Zhi Jian
Loganath A/L Gunasagaram
Lyssa Loh Lee Keen
Meerasree A/P Ganasan
Muhammad Daniel Bin Hafiz Steven Law
Nadiyah Binti Abd Majid
Ng Kar Kay
Ng Nen Sin
Norsyazreen Binti Mohamed Salleh
Rashini A/P Balakrishnan
Samson Mah Chang Jun
Saran Mutang Tagal
Seet Wan Zheng
Sharifullah Bin Abdul Majeed

Tan Hooi Ping
Tan Jia Xin
Tan Lih Choon
Tan Sze Pei
Tariq Azfar Bin Maketab
Teong Soo Zanne
Tharishni A/P V Arumugam
Timothy Naik Shiang Jon
Vinu A/L Kamalanathan
Wan Khairul Anwar Manan
Wong Shir-Leen
Yong Shih Han
Yong Yishan Christina
Zaharah Binti Othman

(All names in alphabetical order)

1. YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

Perdana Menteri Malaysia
Pejabat Perdana Menteri
Block Utama, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya.

DENGAN SERAHAN TANGAN/E-MAIL

E-mail: ppm@pmo.gov.my

2. YAB Dato' Seri Hj. Mukhriz Tun Mahathir

Menteri Besar Kedah
Pejabat Menteri Besar, Aras 3
Blok A Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
Kedah Darul Aman

DENGAN KOURIER/E-MAIL

E-mail: pmb@kedah.gov.my

3. YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Baharom

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
Merangkap Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 9, Block D7, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519 Putrajaya.

DENGAN SERAHAN TANGAN/E-MAIL

E-mail : jamilkhir@jpm.gov.my

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri,

Per: Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Putrajaya

Kes No: 1) 14400-134-0010-2014

2) 14400-136-0011-2014

3) 14400-134-0014-2014

Ketua Pendakwa Syarie -lwn- Kassim @ Osman Bin Ahmad

Adalah dengan hormatnya kami merujuk kepada kes tersebut di atas di mana kami mewakili Tertuduh iaitu En Kassim @ Osman Bin Ahmad ("OKT").

2. Dengan izin, kami diarahkan oleh OKT untuk membawa perkara ini kepada perhatian YAB-YAB dan YB dengan harapan mendapatkan intervensi dari YAB-YAB dan YB sebagai ikhtiar terkahir mencari penyelesaian kerana YAB-YAB dan YB masing-masing memegang tampuk pemerintahan Negara, pemerintahan Negeri Kedah Darul Aman dan juga berkuasa ke atas jabatan-jabatan kerajaan supaya sentiasa berlaku telus dan teratur dalam melaksanakan undang-undang dan mematuhi Perlembagaan Persekutuan.
3. Sebagai seorang patriot, OKT mengharapkan kebijaksanaan YAB-YAB dan YB bagi mencari penyelesaian, melalui saluran undang-undang sedia ada, kepada kes ini dengan menasihatkan Ketua Pendakwa Syarie ("KPS") dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ("JAWI") untuk menarik balik kes ini demi menjaga martabat umat Islam dan nama baik Negara Malaysia dari menjadi bahan persendaan bukan sahaja di dalam Negara, malah dipersada antarabangsa.
4. Izinkan kami memberikan sedikit penerangan tentang kejadian ini supaya YAB-YAB dan YB dapat membuat pertimbangan bahawa tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan oleh KPS/JAWI bukan saja melanggar peruntukan undang-undang malah sebenarnya tidak membawa apa-apa manfaat kepada sesiapa jua malah menjatuhkan lagi imej Islam sehingga menimbulkan kekeliruan dan ketakutan di kalangan rakyat Muslim dan bukan Muslim dalam negara ini dan tanggapan serong terhadap hukum Syarak dan Agama Islam.
5. **Masalah Ketelusan KPS**
 - 5.1 Sebaik sahaja dilantik untuk membela OKT, kami telah berutus surat dengan KPS memohon untuk mendapatkan dokumen, suratcara dan maklumat yang perlu supaya OKT mendapat pembelaan sewajarnya dan keadilan dapat ditegakkan. Salinan surat kami bertarikh 29/04/2014 dan 21/05/2014 dilampirkan sebagai **Lampiran A & B**.
 - 5.2 Kami tidak mendapat sebarang jawapan dari KPS yang memudaratkan penyiapan Hujahan Bertulis kami berkenaan isu Bidangkuasa sehinggalah kami menerima surat KPS pada 27/05/2014 yang bertarikh 26/05/2014 bahawa beliau "*memang tidak berhasrat melayan surat kami tersebut*" seolah-olah menjadikan Pendakwaan yang dijalankan tersebut sebagai satu permainan teka-teki sedangkan apa yang kami minta secara seadilnya hanyalah supaya KPS membekalkan OKT dengan dokumen dan suratcara yang diperlukan bagi membolehkan OKT membela dirinya dengan cara yang adil dan saksama. Salinan surat KPS ditandakan sebagai **Lampiran C**.

5.3 Tanpa pilhan dan dengan maklumat yang terhad tersebut, kami masih patuh kepada arahan YA Hakim Syarie dan memfailkan dan menyerahkan Hujahan bertulis kami pada 27/05/2014. Salinan surat kami bertarikh 27/05/2014 serta Hujahan Bertulis kami ditandakan sebagai **Lampiran D & E**.

6. **Penghujahan Bertulis OKT Dan Isu-Isu Berbangkit**

6.1 Adalah jelas dari Penghujahan Bertulis OKT bahawa kes ini membangkitkan banyak isu-isu yang menyentuh bidang kuasa JAWI dan Mahkamah Syariah sehingga menjejaskan penerusan pendakwaan ini, yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- (a) Ketidapatuhan Penguatkuasa JAWI kepada peruntukan Akta-akta Syariah Wilayah Persekutuan yang terpakai;
- (b) Ketidapatuhan Penguatkuasa JAWI kepada peruntukan Enakmen-enakmen Syariah Kedah yang terpakai;
- (c) Perlakuan dan tindakan Penguatkuasa JAWI yang melangkaui bidangkuasa;
- (d) Pertembungan Akta-akta Syariah Wilayah Persekutuan dengan Enakmen-enakmen Syariah Kedah yang terpakai;
- (e) Pertembungan Akta-akta Syariah Wilayah Persekutuan dengan Perlembagaan Persekutuan yang terpakai;
- (f) Pertuduhan yang dibuat dibawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang bukan menjadi satu kesalahan di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 Kedah yang terpakai;
- (g) Perlanggaran doktrin “comity and reciprocity” apabila terdapat perbezaan di antara Akta-akta Syariah Wilayah Persekutuan dengan Enakmen-enakmen Syariah Kedah yang terpakai;
- (h) Terdapat perbezaan dan pertembungan antara undang-undang negeri dalam Akta-akta Syariah Wilayah Persekutuan dengan Enakmen-enakmen Syariah Kedah dan juga dengan Perlembagaan Persekutuan yang terpakai; dan
- (i) Kuasa membuat tafsiran dalam hal pertembungan undang-undang dan bidangkuasa tidak terletak dengan Mahkamah Syariah.

7. **Implikasi**

7.1 Isu-isu yang disebutkan di atas membawa kepada beberapa implikasi yang mendalam seperti berikut:

- (a) Menarik perhatian masyarakat awam kepada tindaklaku JAWI yang dicabar sebagai kejam dan menekan kepada seorang tua berusia 80 tahun bila diserbu dan ditangkap di rumahnya oleh Penguatkuasa JAWI yang menaiki 13 kenderaan;

- (b) Menarik perhatian masyarakat awam kepada tindaklaku JAWI yang keras dan kasar terhadap seorang tua berusia 80 tahun apabila lelaki tua itu kemudiannya dinaikkan ke dalam van dan dilarikan dari tempat tinggalnya di Kulim Kedah ke Lapangan Terbang Penang dan dibawa secara paksa menaiki pesawat terbang ke Kuala Lumpur;
- (c) Menarik perhatian masyarakat awam kepada tindaklaku keras JAWI yang kemudiannya memeriksa dan menahan lelaki tua berusia 80 tahun tersebut sepanjang malam tanpa rehat selama lebih daripada 24 jam dan kemudiannya mendakwa di Mahkamah;
- (d) Menarik perhatian masyarakat awam kepada fakta bahawa Pejabat Pendaftaran Mahkamah Syariah enggan menerima satu bon jaminan untuk melepaskan OKT semata-mata kerana si penjamin bukan pemastautin di Wilayah Persekutuan sehingga memanjangkan tempoh tahanan melebihi 27 jam sedangkan OKT telah dilarikan oleh JAWI dari Kedah ke Kuala Lumpur tanpa mengambil endah kepada hakikat bahawa OKT bukan pemastautin Wilayah Persekutuan;
- (e) Menarik perhatian masyarakat awam kepada tindaklaku JAWI seperti di atas yang dicabar sebagai menyalahi proses dan peruntukan undang-undang;
- (f) Menarik perhatian masyarakat awam kepada tindaklaku JAWI yang dicabar sebagai mencabuli hak asasi manusia dan hak-hak fundamental lain yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan;
- (g) Menarik perhatian awam kepada isu pertembungan undang-undang (“conflict of laws”) antara undang-undang sivil dan undang-undang syariah negara ini;
- (h) Mengakibatkan ketidaktenteraman di kalangan masyarakat Islam tentang kesan tindakan dan kuasa JAWI;
- (i) Kejadian tersebut mengaibkan nama baik orang Melayu/Islam di negara ini sebagai bangsa/agama yang tidak toleran kepada perbezaan pandangan;
- (j) Kejadian tersebut menimbulkan ketakutan di kalangan masyarakat bukan Islam apabila JAWI di lihat sebagai agensi yang melaksanakan kuasa di tangan orang Islam secara tanpa menghormati peruntukan undang-undang dan Perlembagaan;
- (k) Kejadian tersebut menimbulkan perpecahan dikalangan orang Melayu/Islam apabila terbit puak yang menyokong dan puak yang menentang tindakan JAWI tersebut;
- (l) Kejadian tersebut menimbulkan ketakutan dikalangan masyarakat Islam dan bukan Islam apabila tindaklaku JAWI dan agensi penguatkuasa agama yang lain di lihat sebagai tindakan menekan, keras dan kasar;
- (m) Kejadian tersebut menimbulkan ketakutan di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam bahawa hukum dan sistem perundangan Islam adalah menekan, keras, kasar dan tidak mempunyai elemen kelembutan perikemanusiaan sehingga memomokkan Hukum Hudud; dan

- (n) Terdapat kesan-kesan lain jika OKT terpaksa mengambil jalan penyelesaian undang-undang dengan mencabar tindakan JAWI dan pendakwaan ini di Mahkamah Tinggi Sivil melalui proses Semakan Kehakiman (“Judicial Review”) dan tindakan menyaman.
- 7.2 Hakikat bahawa bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad juga menegur tindakan JAWI dan pendakwaan ini sebagai tidak perlu harus diberikan perhatian dan janganlah dianggap sebagai satu gesaan yang remeh. Tun Dr Mahathir telah sendiri hadir ke Mahkamah Syariah pada 06/05/2014 sebagai menunjukkan betapa beliau tidak setuju dengan perlakuan JAWI. Umum mengetahui bahawa Tun Dr Mahathir memainkan peranan penting dalam penggubalan undang-undang dan dasar Islam Negara ini. Malah, kedudukan JAWI dan Mahkamah Syariah sendiri yang mencapai taraf dan martabat tinggi hari ini adalah atas usaha Tun Dr Mahathir.
- 7.3 Itulah sebabnya, kami merujuk hal ini kepada YAB-YAB dan YB untuk membuka ruang dan memberi pencerahan kepada kecelaruan yang telah berlaku ini seolah-olah menunjukkan kepincangan kepada sistem pemerintahan sehingga sering berbangkit kes-kes pertembungan undang-undang (“conflict of laws”) akibat dari dua sistem perundangan (“dual system of laws”) yang dikatakan berbeza. Ini semua dapat dielakkan jika terdapat kesepaduan (“harmonisation”) dalam tindaklaku jabatan-jabatan kerajaan supaya mematuhi peruntukan undang-undang selari dengan tafsiran yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan bukan berbuat sesuka hati tanpa diperbetulkan.
- 7.4 Amatlah menyedihkan apabila segala usaha Tun Dr Mahathir yang dilanjutkan oleh YAB Perdana Menteri yang dikasihi, Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, dalam mengharumkan nama Malaysia sebagai Negara Islam yang progresif di persada antarabangsa, sebaliknya dirosakkan dengan tindaklaku JAWI dan pendakwaan ini yang menghakis segala penghormatan yang telah kita terima selama ini.
- 7.5 Kami juga merayu kepada Y.A.B. Menteri Besar Kedah, Dato’ Seri Hj. Mukhriz Tun Mahathir, supaya campur tangan dalam hal ini kerana Hujahan Bertulis OKT dengan jelasnya menunjukkan bahawa undang-undang Negeri Kedah telah dicabuli apabila OKT yang merupakan seorang pemastautin di Kedah telah dilarikan ke Wilayah Persekutuan tanpa mematuhi peruntukan undang-undang negeri Kedah. OKT bukanlah pemastautin di Kuala Lumpur, Putrajaya atau mana-mana kawasan dalam Wilayah Persekutuan sedangkan dalam hal undang-undang agama khususnya hukum syarak, setiap negeri termasuk negeri Kedah telah membuat undang-undang negeri masing-masing seperti terkandung dalam enakmen berkaitan undang-undang syariah, dan fatwa-fatwa yang dibuat di sesuatu negeri hanya mengikat pemastautin beragama Islam di negeri tersebut.
- 7.6 Kami juga merayu kepada kebijaksanaan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, YB Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom, kerana JAWI adalah sebuah agensi dan pihak berkuasa awam di bawah kawalan dan seliaan YB.
- 7.7 Kami tidak meminta campurtangan YAB-YAB dan YB dalam hal urusan pentadbiran dan perundangan Mahkamah Syariah. Sebaliknya, kami meminta intervensi ini kerana undang-undang membenarkan YAB-YAB dan YB sebagai pemegang kuasa pemerintahan mutlak

yang boleh memperbetulkan kepincangan yang ditimbul akibat dari tindaklaku JAWI sebagai sebuah agensi kerajaan dibawah kawalan dan kuasa YAB-YAB dan YB.

8. Perdamaian Dan Penyelesaian

- 8.1 Dengan segala rendah diri kami merayu kepada YAB-YAB dan YB supaya memberikan perhatian kepada perkara yang kami nyatakan di atas dan mengambil iktibar dari kes Borders Bookstore di mana penghakiman Hakim Mahkamah Tinggi telah mencela tindaklaku JAWI dan sikap-sikap Menteri Dalam Negeri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga mengisytiharkan s.13 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 sebagai ultra vires Perlembagaan Persekutuan. Dilampirkan sesalinan alasan penghakiman tersebut sebagai **Lampiran F** untuk dijadikan rujukan.
- 8.2 Kami dengan sejujurnya mahu berkerjasama dengan JAWI dalam mengelakkan isu-isu ini dari menjadi kontroversi awam yang membawa kepada kekalutan berpanjangan. Menurut amalan yang terpakai, kami telah pun membuat satu representasi bertulis kepada KPS bertarikh 06/06/2014, salinan ditandakan sebagai **Lampiran G**.
- 8.3 Representasi tersebut boleh dijadikan asas untuk mengkaji semula dan menarik balik tindakan pendakwaan terhadap OKT. Sehubungan itu, dalam menghasratkan keikhlasan OKT untuk berdamai, OKT telah pun mengarahkan peguamcaranya untuk menarik balik proses Semakan Kehakiman yang telah difailkan sebelum ini. Sebagai balasan, kami mengharapakan KPS akan menamatkan pendakwaan ini dan menarik balik semua pertuduhan dengan kadar segera menurut seksyen 103 dibaca bersama seksyen 181 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Ini tidak akan menggugat atau boleh disalah ertikan sebagai sebarang campur tangan yang membabitkan kewibawaan Mahkamah Syariah. Hal ini juga biasa dilakukan oleh Jabatan Peguam Negara dalam menimbangkan kes-kes jenayah di mahkamah sivil.
- 8.4 Namun, kami sangsi bahawa KPS tidak akan menjawab permintaan kami tersebut berdasarkan pengalaman pahit yang dinyatakan di perenggan 5.1 - 5.3 di atas. Oleh sebab itu, kami merujuk hal ini kepada YAB-YAB dan YB supaya satu keputusan yang saksama menurut peruntukan undang-undang dapat diambil.
- 8.5 Besarlah harapan kami supaya kes ini dapat diselesaikan tanpa diperpanjangkan lagi kontroversi yang telahpun timbul. Sepanjang kejadian ini, OKT dan pihak kami telah berusaha sebaik mungkin supaya perkara ini tidak dihangatkan oleh publisiti dan menjadi isu kontroversi. Hal ini akan terdedah kepada umum dengan implikasi yang dinyatakan di atas tersebut jika pilihan yang ada hanyalah melalui jalan penyelesaian undang-undang.
- 8.6 Sebagai firma guaman ulung di Negara ini yang mempunyai prinsip bertanggungjawab dan prihatin kepada sensitiviti perkara-perkara yang boleh membangkitkan kontroversi yang menggusarkan masyarakat, kami membawa perkara ini kepada perhatian YAB-YAB dan YB supaya suatu penyelesaian secara damai dapat dicapai demi mengelakkan masalah ini dari berlarutan.
- 8.7 Kami menghargai kebijaksanaan YAB-YAB dan YB dalam mempertimbangkan permintaan kami ini. Kami memohon diberikan satu jawapan awal yang menggembirakan sebelum 23/06/2014 kerana kami akan terpaksa memfailkan satu Permohonan Semakan Kehakiman

yang baru jika semua usaha kami mencari penyelesaian secara damai mengalami jalan buntu. Kami bersedia hadir di pejabat YAB-YAB dan YB untuk memberikan sebarang penjelasan lanjut yang diperlukan.

9. Kami akhiri dengan memanjatkan doa kepada Allah SWT semoga YAB-YAB dan YB diberikan kesihatan, afiah dan hidayah sebagai pemimpin Islam terulung di Negara Malaysia tercinta ini supaya dapat membawakan keamanan dan ketenteraman kepada Negara berbilang kaum ini dan kita sentiasa maju jaya sebagai 1Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Lee Hishammuddin Allen & Gledhill



Rosli Dahlan

Talian Terus : 603 2170 5804

Email : rd@lh-ag.com

Lampiran